

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan*

- 1 (a) Dokumen 1 telah dihantar oleh Kedai Runcit Jamie

ASAL	No: 775												
 INVOIS Kedai Komputer Zack Jalan Merbau 3 81000 Kulai, Johor. Kepada Kedai Runcit Jamie Jalan Besar Taman Dataran 81000 Kulai, Johor. Tarikh: 22 Ogos 2024													
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"><thead><tr><th style="width: 15%;">Kuantiti</th><th style="width: 20%;">Butir</th><th style="width: 25%;">Harga Seunit (RM)</th><th style="width: 40%;">Jumlah (RM)</th></tr></thead><tbody><tr><td style="text-align: center;">1</td><td>Komputer</td><td style="text-align: center;">3800</td><td style="text-align: center;">3800</td></tr><tr><td></td><td>Jumlah</td><td></td><td style="text-align: center;">3800</td></tr></tbody></table>		Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	1	Komputer	3800	3800		Jumlah		3800
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)										
1	Komputer	3800	3800										
	Jumlah		3800										
(Ringgit Malaysia: Tiga ribu lapan ratus sahaja) Serahan: Angkutan dibayar Syarat: 2% 7 hari Tan Penerima Afwa Pengurus													

Dokumen 1

- (i) Namakan buku catatan pertama yang digunakan oleh Kedai Runcit Jamie untuk merekodkan urus niaga di atas.

[1 markah]

- (ii) Nyatakan urus niaga yang berlaku.

[1 markah]

- (b) Kelab Futsal Juara telah menerima hasil sewaan gelanggang futsal. Kelab telah mengutip derma untuk membeli peralatan futsal yang baharu. Berdasarkan maklumat di atas, kategorikan sumber hasil kelab berkenaan.

	Jenis pendapatan
Hasil sewaan gelanggang	
Kutipan derma untuk membeli peralatan futsal	

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Haji Dollah dan Kedai Hajjah Zainab.

Perniagaan Haji Dollah	RM	Kedai Hajjah Zainab
Aset Bukan Semasa	80 000	Nisbah Semasa 2:1
Aset Semasa	60 000	
Liabiliti Bukan Semasa	40 000	
Liabiliti Semasa	20 000	

- (i) Hitungkan Nisbah Semasa bagi Perniagaan Haji Dollah. [1 markah]
- (ii) Perniagaan manakah yang mampu membayar hutang jangka pendeknya dengan lebih baik? [1 markah]
- (d) Pembubaran perkongsian boleh dilakukan melalui perjanjian, perintah mahkamah atau sebab-sebab lain. Berikan **dua** sebab lain sesebuah perkongsian dibubarkan.

[2 markah]

- (e) Apakah kesan urus niaga berikut kepada persamaan perakaunan?

Beli barang niaga secara kredit RM780 daripada Borhan Enterprise.

[2 markah]

- 2 Alesya menjalankan perniagaan Alesya Enterprise yang beroperasi di Johor Bahru, Johor. Berikut adalah Imbangan Duga perniagaannya pada 31 Ogos 2024.

Alesya Enterprise Imbangan Duga pada 31 Ogos 2024			
Butir	Debit RM	Kredit RM	
Tunai	3 520		
Bank	63 500		
Akaun Belum Terima	18 700		
Akaun Belum Bayar		11 650	
Hutang lapuk	900		
Modal pada 1 September 2023		110 970	
Utiliti	2 440		
Upah dan gaji	22 400		
Insurans	2 320		
Kenderaan (kos)	65 000		
Susut nilai terkumpul kenderaan		6 500	
Alatan pejabat (kos)	26 000		
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		13 000	
Pulangan belian		1 980	
Sewa	18 000		
Faedah atas pinjaman	2 000		
Inventori pada 1 September 2023	24 440		
Peruntukan Hutang Ragu		980	
Jualan		145 920	
Cetakan dan alat tulis	390		
Ambilan	750		
Lain-lain Akaun Belum Terima	5 600		
Lain-lain Akaun Belum Bayar		9 100	
Belian	69 140		
Pinjaman bank 5%		25 000	
	<u>325 100</u>	<u>325 100</u>	

Maklumat Tambahan:

(i) Inventori pada **31 Ogos 2024:**

Produk	A	B	Jumlah
	RM	RM	RM
Kos	12 450	11 790	24 240
Pasaran	13 100	10 780	23 880

- (ii) Insurans prabayar RM800.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 4% atas Akaun Belum Terima.
- (iv) Alatan pejabat dan kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun berasaskan kaedah garis lurus.
- (v) Menerima tunai RM980 pada 1 Ogos 2024 daripada seorang penghutang yang hutangnya telah menjadi lapuk pada 1 September 2021. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (vi) Pada 31 Ogos 2024, terima cek bernilai RM2 500 atas penjualan sebuah alatan pejabat. Kos alatan pejabat tersebut dibeli dengan harga RM6 000 pada 1 September 2019.
- (vii) Pinjaman bank telah dibuat pada 1 September 2021 sebanyak RM40 000. Tempoh pinjaman selama 8 tahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024. [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2024 dengan menunjukkan modal kerja. [12 markah]

- 3 (a) Perkilangan Mutiara Kasih ialah pengeluar makanan ringan di daerah Johor Bahru. Maklumat yang berikut dipetik daripada buku-buku kilang tersebut pada 31 Disember 2023.

	RM
Inventori pada 1 Januari 2023 :	
Barang siap	7 500
Kerja dalam proses	9 200
Bahan langsung	8 700
Alat-alat kecil	520
Loji dan mesin kilang	110 000
Perabot pejabat	10 500
Jualan barang siap	264 820
Belian:	
Bahan langsung	41 340
Alat-alat kecil	200
Pulangan belian bahan langsung	2 150
Duti import bahan langsung	1 680
Akaun Belum Bayar	8 400
Sewa bangunan	14 400
Angkutan keluar	3 850
Angkutan masuk bahan langsung	1 320
Pulangan jualan	1 550
Bank	8 340
Kadar bayaran kilang	1 500
Susut nilai terkumpul loji dan mesin kilang	10 500
Insurans	6 000
Bahan bakar kilang	1 440
Upah operator kilang	27 500
Buruh tak langsung	15 600
Akaun Belum Terima	7 610
Gaji pekerja pejabat	5 000
Modal	340 000

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2023:

	RM
Barang siap	5 640
Alat-alat kecil	550
Kerja dalam proses	4 345
Bahan langsung	10 250

- (ii) Belian bahan langsung tertinggal catat RM2 500.
 (iii) Insurans dibayar untuk setahun sehingga 31 Mac 2024.
 (iv) Upah operator kilang termasuk buruh tak langsung RM1 100.

- (v) Loji dan mesin hendaklah disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (vi) Royalti kilang sebanyak RM3 400 belum lagi direkodkan.
- (vii) Agihan perbelanjaan bagi kilang dan pejabat adalah mengikut nisbah berikut:

	Kilang	Pejabat
Sewa	70%	30%
Insurans	60%	40%

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [12 markah]
- (ii) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [4 markah]

3 (b) Maklumat berikut menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil Perniagaan Kilang Perabot Star Vision pada pelbagai peringkat keluaran.

Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Jumlah Hasil (RM)
0	80 000	0
4 000	180 000	260 000
8 000	280 000	520 000
12 000	380 000	780 000

Kos tetap diandaikan malar.

Anda dikehendaki:

- (i) Menghitung:
 - (a) Kos tetap [1 markah]
 - (b) Kos berubah seunit [2 markah]
 - (c) Titik Pulang Modal dalam unit pengeluaran [2 markah]
- (ii) Melakarkan Graf Titik Pulang Modal dengan mengambil kira maklumat (i)(c) [4 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab **dua** soalan daripada bahagian ini*

4	Farah dan Sarah merupakan rakan kongsi dalam Perkongsian FASA yang beroperasi di Mersing.		
	Ikatan Perjanjian Perkongsian telah menetapkan perkara-perkara berikut :		
(i)	Untung atau rugi akan diagihkan mengikut nisbah modal.		
(ii)	Faedah atas modal 5% setahun.		
(iii)	Faedah atas ambilan 8% setahun.		
(iv)	Gaji bulanan Farah dan Sarah masing-masing ialah RM2 000 dan RM1 500.		
(v)	Faedah atas pinjaman perkongsi 8% setahun.		
	Maklumat kewangan bagi tahun berakhir 31 Julai 2024 adalah seperti berikut :		
			RM
	Modal pada 1 Ogos 2023 :		
	Farah		60 000
	Sarah		40 000
	Akaun Semasa pada 1 Ogos 2023 :		
	Farah		4 250
	Sarah		1 500
	Ambilan :		
	Farah (1 Mei 2024)		1 000
	Sarah (31 Mei 2024)		3 000
	Premis		52 600
	Kenderaan (Kos)		75 000
	Susut nilai terkumpul kenderaan		15 000
	Perabot (Kos)		29 000
	Susut nilai terkumpul perabot		5 510
	Pinjaman Farah		10 000
	Gaji Sarah		7 000
	Inventori pada 31 Julai 2024		5 500
	Akaun Belum Terima		3 850
	Akaun Belum Bayar		2 750
	Faedah atas pinjaman Farah		300
	Bank		25 350
	Tunai		1 660
	Untung bersih		59 150



	Maklumat tambahan:
(i)	Komisen yang belum diterima adalah sebanyak RM800.
(ii)	Insurans berjumlah RM1 200 adalah untuk setahun bermula 1 Februari 2024.
(iii)	Pada 15 Julai 2024, Cik Azra , seorang pelanggan yang hutangnya telah dihapuskan sebagai hutang lapuk pada 31 Julai 2023 telah menjelaskan hutangnya dengan cek sebanyak RM1 500. Urus niaga ini belum dicatatkan dalam mana-mana buku.
(iv)	Perkongsian membuat pinjaman pada 1 Februari 2024.
	Anda dikehendaki menyediakan:
(a)	(i) Penyata Pelarasan Untung Bersih.
	[5 markah]
	(ii) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2024.
	[5 markah]
(b)	Akaun Semasa setiap pekongsi (beruangan).
	[8 markah]
(c)	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2024 (Bahagian Ekuiti Pemilik sahaja).
	[2 markah]

- 5 (a) Azhari adalah pemilik Kedai Buku Azhari di Muar. Urus niaga berikut diambil daripada buku Kedai Buku Azhari.

Tarikh	Urus niaga	RM
2024		
Mac 1	Baki tunai di tangan	2 000
1	Baki bank	7 218
2	Terima jualan tunai	1 200
6	Bayaran kepada Perniagaan Tanjong Mas dengan cek (No. 200128)	1 535
9	Jualan tunai	1 500
10	Cek telah diterima untuk jualan tunai	2 280
12	Belian dengan cek (No.200129)	2 007
13	Belian tunai	3 400
13	Terima cek daripada Kelab Tunas Bakti	1 564
20	Bayar upah mencuci kedai	200
27	Bayaran gaji degan cek (No 200130) bagi bulan Mac	4 168

Berikut adalah Penyata Bank bagi bulan Mac 2024 yang telah diterima oleh Kedai Buku Azhari.

PENYATA BANK				
Bank Maju Bhd No 2, Jalan Abdullah, 84000 Muar, Johor				
Kedai Buku Azhari			Tarikh : 31 Mac 2024	
			No. Akaun:115123452316	
Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki
2024		RM	RM	RM
Mac 1	Baki			7 418
5	Cek No 200125	200		7 218
8	Cek No 200128	1 353		5 865
11	Cek No 200129	2 007		3 858
12	Deposit		2 280	6 138
28	Dividen		500	6 638

Maklumat tambahan:

Cek bertarikh 13 Mac 2024 dipulangkan oleh bank dengan catatan “baki tidak mencukupi”.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Buku Tunai (ruangan bank) untuk merekod urus niaga berkenaan dan mengimbangkannya. [6 markah]
 - (ii) Penyata Penyesuaian Bank (bermula dengan baki Buku Tunai) pada 31 Mac 2024 tanpa mengemaskinikan Buku Tunai. [6 markah]
- (b) Puan Syakilla telah membeli sebuah mesin pengisar lada berharga RM5 800 pada 1 Januari 2022 secara tunai. Mesin tersebut telah disusutnilaikan dengan kadar 10% setahun atas kos. Pada 31 Disember 2023, Puan Syakilla telah menjual mesin tersebut dengan harga RM4 200. Cek telah diterima dan dibankkan. Tempoh perakaunan berakhir pada setiap 31 Disember.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Mesin Pengisar [2 markah]
- (ii) Akaun Susut Nilai Terkumpul Mesin Pengisar [3 markah]
- (iii) Akaun Pelupusan Mesin Pengisar [3 markah]

- 6 (a) Syarikat Lee Zia Berhad telah ditubuhkan pada 1 Januari 2020 untuk membekalkan bahan makanan di Sabak Bernam.

Pada 1 Mac 2020, Syarikat Lee Zia Berhad telah menerbitkan 1 200 000 unit 9% Syer Keutamaan bernilai RM1.00 sesyer dan 3 600 000 unit Syer Biasa bernilai RM0.50 sesyer.

Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh. Tempoh perakaunan syarikat berakhir 31 Disember pada setiap tahun.

Keuntungan syarikat bagi tempoh lima tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan Diagihkan (RM)
2020	94 000
2021	100 000
2022	197 000
2023	220 000

Anda dikehendaki menghitung dividen Syer Keutamaan dan Syer Biasa bagi tahun 2020 hingga 2023.

[10 markah]

- (b) Azizah, seorang peniaga runcit tidak menyimpan rekod perakaunannya mengikut sistem catatan bergu. Modal awal perniagaan beliau ialah RM7 640. Berikut ialah maklumat mengenai kewangan perniagaannya pada 31 Disember 2023

	RM
Inventori	9 880
Perabot	9 700
Akaun Belum Terima	5 400
Akaun Belum Bayar	8 800
Overdraf Bank	3 500

Maklumat tambahan:

- RM400 daripada jumlah Akaun Belum Terima gagal dikutip semula.
- Peruntukan hutang ragu hendaklah diwujudkan pada kadar 6% atas Akaun Belum Terima.

- (iii) Azizah telah mengeluarkan RM510 daripada bank perniagaan untuk membayar insurans peribadinya.
- (iv) Perabot akan disusut nilaikan sebanyak 10% setahun pada 31 Disember 2023.
- (v) Dalam tahun 2023, Azizah telah memasukkan RM1 500 ke dalam bank sebagai modal tambahan

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Penyata Mengira Modal pada 31 Disember 2023. [6 markah]
- (ii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

LAMPIRAN

6 (a)

Tahun	Keuntungan (RM)	Dividen 6% Syer Keutamaan	Dividen Syer Biasa
2020	94 000		
2021	100 000		
2022	197 000		
2023	220 000		